



SEKTOR Pembangunan Sumber Manusia (SPgSM), Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan pertandingan boling tertutup di 1 Borneo Hypermall pada malam Jumaat.

Pertandingan ini dianjurkan bagi mengeratkan lagi silaturahim di antara pegawai atasan dan kakitangan sokongan SPgSM bersesuaian dengan saranan Naib Canselor UMS, Prof Dr. Mohd Harun Abdullah yang mahu menjadikan Universiti haroni.

"Aktiviti riadah yang melibatkan pegawai atasan dan kakitangan sokongan sebegini seharusnya diteruskan dan dicontohi bagi memperkuatkannya lagi elemen keharmonian kerana kita tidak boleh maju ke depan dan cemerlang sekiranya tiada keharmonian," kata Dr. Mohd Harun dalam Amanat Sulung beliau baru-baru ini bahawa suasana kerja yang harmoni dan ceria dapat meningkatkan kualiti kerja individu yang akhirnya menjana kecemerlangan UMS.